



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA


SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS

2019 (COVID-19) DI MALAYSIA

MINGGU EPIDEMIOLOGI 21 (22 MEI – 28 MEI 2022)

STATUS TERKINI PENGGUNAAN FASILITI KESIHATAN


Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa secara kesuluruhan, **jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan** (hospital dan PKRC awam) bagi setiap 100,000 penduduk **menurun sebanyak 10%** pada minggu epidemiologi (ME) ke-21 tahun 2022 (ME 21/2022) berbanding ME 20/2022 (**Rajah 1**);



Rajah 1: Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan (hospital dan PKRC awam) bagi setiap 100,000 penduduk dari ME 1/2022 sehingga ME 21/2022

Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk *tiada perubahan* (Rajah 2);


- Jumlah pesakit kategori 1 dan 2 ***tiada perubahan***; dan
- Jumlah pesakit kategori 3,4,dan 5 juga ***tiada perubahan***.



Rajah 2: Taburan jumlah kemasukan pesakit COVID-19 mengikut kategori ke hospital awam mengikut kategori bagi setiap 100,000 populasi dari ME 1/2022 hingga ME 21/2022


Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 menurun berbanding ME-20 (**Rajah 3**):

- Penggunaan katil bukan kritikal **tiada perubahan**;
- Penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) **meningkat sebanyak 17%**; dan
- Penggunaan katil Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) **tiada perubahan**.



Rajah 3: Peratusan pengisian katil fasiliti COVID-19 dari ME 1/2022 hingga ME 21/2022

Jumlah kes memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) menurun sebanyak 6.1% (Rajah 4):




Rajah 4: Taburan kes COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan dari ME 1/2022 hingga ME 21/2022

PEMANTAUAN COVID-19 DI PUSAT PENILAIAN COVID-19 (CAC)

Untuk makluman, kes-kes positif COVID-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara semakin menunjukkan pengurangan.


Berikut adalah perbandingan data CAC fizikal yang dilaporkan pada ME 20/2022 dan ME 21/2022 (**Rajah 5**):

- Bilangan kedatangan pesakit ke CAC menurun sebanyak **5.1%**;
- Bilangan kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah menurun sebanyak **6.5%**; dan
- Bilangan kes COVID-19 yang dirujuk CAC ke PKRC atau hospital menunjukkan penurunan ketara iaitu, **46.6%**.



Rajah 5: Trend kedatangan pesakit ke CAC fizikal, kes baharu COVID-19 menjalani pemantauan di rumah dan kes rujukan CAC ke PKRC atau hospital dari ME 1/2022 hingga ME 21/2022

Untuk tren kes aktif harian COVID-19 yang dipantau secara maya (CAC Maya), pada akhir ME 21/2022 ianya turun **8.8%** berbanding pada akhir ME 20/2022 (dari 24,647 kes kepada 22,475 kes); seperti di **Rajah 6**:



Rajah 6: Trend kes aktif COVID-19 di bawah pemantauan CAC Maya berdasarkan keadaan klinikal pesakit dari ME 1/2022 hingga ME 21/2022


STATUS TERKINI KES COVID-19

Dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 28 Mei 2022 (ME 21/2022), situasi terkini COVID-19 adalah seperti berikut:


- Kumulatif kes baharu: **4,502,579**;
- Kumulatif kes sembuh: **4,441,702 kes**;
- Kumulatif kes kematian: **35,660 kes**; dan
- Kumulatif kluster: **7,012 kluster (kluster aktif: 3 kluster)**.

Perbandingan antara ME 20/2022 dan ME 21/2022 (**Rajah 7**):


- **Bilangan kes sembuh** pada ME 21/2022 meningkat sebanyak **4.2%** (15,278 kes kepada 15,925 kes) berbanding ME 20/2022;
- **Bilangan kes baharu** pada ME 21/2022 menurun sebanyak **4.1%** (13,630 kes kepada 13,076 kes) berbanding ME 20/2022 (**Rajah 8**);
 - **Bilangan kes tempatan** menurun sebanyak **4.4%** (13,615 kes kepada 13,022 kes); dan
 - **Bilangan kes import** meningkat sebanyak **260.0%** (15 kes kepada 54 kes).
- **Bilangan kes kematian** pada ME 21/2022 menunjukkan penurunan kepada **34.5 %** (29 kes kepada 19 kes) berbanding ME 20/2022; dan
- **Purata kes aktif setiap hari bagi ME 21/2022 adalah 25,360**, iaitu terdapat penurunan sebanyak **15.1%** berbanding minggu sebelumnya (**Rajah 9**).



Rajah 7: Taburan kes baharu, kes sembuh, dan kes kematian COVID-19 sehingga ME 21/2022




Rajah 8: Taburan kes baharu, kes tempatan, dan kes import COVID-19 sehingga ME 21/2022



Rajah 9: Purata 7 hari kes aktif harian COVID-19 dari ME 1/2022 hingga ME 21/2022

NILAI RT

Purata nilai R_T juga menunjukkan **penurunan sebanyak 1.1%** pada ME 21/2022 berbanding ME 20/2022 (**Rajah 10**).




Rajah 10: Purata Nilai R_T tahun 2022 sehingga ME 21/2022


SURVELAN SEVERE ACUTE RESPIRATORY INFECTION (SARI) DAN INFLUENZA-LIKE ILLNESS (ILI) BAGI COVID-19

KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga ME 21/2022, hasil surveilan COVID-19 di lokasi sentinel seluruh negara mendapati:

- Kadar positif sampel *Influenza-Like Illness* (ILI) bagi COVID-19 **meningkat sebanyak 102.4%**, iaitu 4.1% pada ME 20/2022 kepada 8.3% pada ME 21/2022 (**Rajah 11**); dan
- Kadar positif sampel *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) bagi COVID-19 pada ME 21/2022 **meningkat sebanyak 62.5%** iaitu 2.6% berbanding 1.6% pada ME 20/2022 (**Rajah 12**).



Rajah 11: Kadar positif sampel ILI bagi COVID-19 dari klinik kesihatan sentinel sehingga ME 21/2022



Rajah 12: Kadar positif sampel SARI bagi COVID-19 dari hospital sentinel sehingga ME 21/2022

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Bermula pada 1 April 2022, Malaysia telah berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik. Perubahan fasa ini dapat dicapai susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam termasuk program vaksinasi COVID-19 dalam menguruskan penularan jangkitan COVID-19 dalam negara.

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S;**
- **Amalkan 3W;**
- **Amalkan TRIIS;**
- Jalani ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid)**, tidak perlu hadir ke **Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. SMS atau panggilan daripada perkhidmatan *Automated Voice Recording (robocall)* akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>)

untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon;

- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak)** atau **mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan
- Individu yang belum menerima vaksin COVID-19 dinasihatkan agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin bagi melindungi diri dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

30 Mei 2022 @ 10.00 pagi